

D200

R B414 BAH
MAHATHIR - KERAJAAN

JOHOR BAHRU, 16 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI BAHAWA KERAJAAN BARISAN NASIONAL MEMERLUKAN SEKURANG-KURANGNYA MAJORITI DUA PERTIGA DI PARLIMEN AGAR IA TIDAK BOLEH DIANCAM DAN DIGUGAT.

KEDUDUKAN ITU, KATA PERDANA MENTERI, AKAN MEMBOLEHKANNYA TERUS MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA RAKYAT.

MAJORITI YANG BERKESAN AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMERINTAH DENGAN BERKESAN PULA, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA MERASMIKAN PELAN EKONOMI JOHOR 1990-2005 DI KOMPLEKS ISLAM DI SINI.

BELIAU MAHU RAKYAT MENGAMBIL IKTIBAR DARIPADA PERISTIWA 1969 APABILA RUBUHAN KAUM TERCETUS SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM. KETIKA ITU, WALAUPUN PARTI KERAJAAN MENANG, IA MENANG DENGAN MAJORITI KURANG DUA PERTIGA.

+SESIAPA YANG TIDAK BELAJAR DARI SEJARAH AKAN DIDERA DENGAN MENGULANGI KESALAHAN YANG SERUPA. SEJARAH ADALAH BILIK KULIAH YANG PALING BESAR DAN KITA HENDAKLAH MENGAMBIL IKTIBAR DARIPADA PERISTIWA TAHUN 1969,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEDUDUKAN KERAJAAN YANG MANTAP AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MELAKSANAKAN DENGAN BERKESAN PROGRAM EKONOMI UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT. -- LAGI.

1421MST 16 10 90

R B415 BAH
MAHATHIR - KERAJAAN 2 JOHOR BAHRU

SEBALIKNYA, KATA BELIAU, KERAJAAN YANG LEMAH TIDAK AKAN MENDATANGKAN KEBAIKAN KEPADA RAKYAT DALAM PELBAGAI HAL TERMASUK KESELAMATAN.

KEMANTAPAN KERAJAAN TELAH MELETAKKAN MALAYSIA DI TEMPAT KELIMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN IAITU SELEPAS KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN SINGAPURA, KATA PERDANA MENTERI.

KERAJAAN YANG KUKUH MERUPAKAN FAKTOR AMAT PENTING, MALAH PELENGKAP, UNTUK MENJADIKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA SEBAGAI KENYATAAN, TAMBAHNYA.

+RANCANGAN DAN PELAKSANAAN HANYA BOLEH DIBUAT JIKA ADA KERAJAAN YANG BERDEDIKABI UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA. KERAJAAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MANA-MANA RANCANGAN.

+MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA DAPAT MENGGUNAKAN DEMOKRASI DENGAN BAIK DAN DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN YANG KUKUH DAN CUKUP KUAT (UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK ITU),+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA BANYAK NEGARA TIDAK DAPAT MEMAJUKAN EKONOMI MEREKA WALAUPUN MEMPUNYAI RANCANGAN EKONOMINYA TERMASUK YANG MENGAMALKAN SISTEM KOMUNIS DAN SOSIALIS, SEHINGGA AKHIRNYA TERPAKSA MENGGUGURKAN SISTEM ITU. -- LAGI.

1426MST 16 10 90

R B428 BAH
MAHATHIR - KERAJAAN 3 JOHOR BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENCADANGKAN KEPADA NEGERI-NEGERI AGAR MEMPUNYAI PELAN EKONOMI SENDIRI, SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH JOHOR. IA TIDAK BERGANGGAH DENGAN PERANCANGAN EKONOMI PERINGKAT PUSAT MALAH AKAN MEMPERCEPATKAN PENCAPAIAN MATLAMAT EKONOMI NEGARA.

+NEGERI-NEGERI JUGA HARUS ADA PELAN EKONOMI SENDIRI SEBAB KERAJAAN NEGERI LEBIH MENGETAHUI KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN DI PERINGKAT NEGERI MASING-MASING,+ KATANYA.

PELAN EKONOMI JOHOR YANG DILANCARKAN HARI INI, BERTUJUAN MERANGKA RANCANGAN MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI TERMASUKLAH DENGAN MENJADIKAN PERTANIAN SEBAGAI BIDANG YANG BERCORAK PERDAGANGAN.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI, MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN DAN MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT KEMUDIANNYA MENYAKSIKAN TAYANGAN FILEM RENCANA MENGENAI PELAN EKONOMI JOHOR.

SEMENTERA ITU MURID-MURID SEKOLAH BERBARIS DI PINGGIR JALAN RAYA DI SENAI, TAMPOI, SKUDAI DAN JOHOR BAHARU DI SINI DENGAN MENGEBAK BENDERA JOHOR DAN BENDERA MALAYSIA, SEBAGAI MENYAMBUK KETIBAAN PERDANA MENTERI DAN ISTERI, YANG DATANG MELALUI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL DI SENAI. -- BERNAMA.

1458MST 16 10 90